

22/01/2000

Pemimpin Timor Timur diharap fahami pendekatan Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia berharap pemimpin Timor Timur akan memahami pendekatan Kuala Lumpur menangani hal ehwal serantau dan antarabangsa apabila melawat negara ini bulan depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, mereka juga diharap tidak lagi menaruh prasangka buruk terhadap Malaysia.

"Langkah melawat Malaysia dan beberapa negara yang mengambil bahagian dalam misi pengaman di Timor Timur, menunjukkan mereka mahu memahami negara serantau dan menjadi ahli masyarakat antarabangsa yang bertanggungjawab," katanya di Wisma Putra di sini hari ini.

Xanana Gusmao yang mengetuai Majlis Kebangsaan bagi Penentangan Timor Timur akan melakukan lawatan ke Malaysia pada 7 hingga 9 Februari ini, bersama Ramos Horta, dua anggota majlis serta dua pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Syed Hamid berkata, antara agenda lawatan mereka termasuk melakukan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Malaysia juga merancang memberi taklimat kepada mereka di Unit Perancangan Ekonomi dan agensi lain mengenai pengalaman Malaysia mendekati negara yang baru merdeka dan mahu berkembang serta dibangunkan, katanya.

(END)